

20 JUL 1997

Mahathir-Asean

ASEAN BERHAK TOLAK KEANGGOTAAN

Oleh: Zainoor Sulaiman

OKAYAMA (Jepun), 20 Julai (Bernama) -- Asean berhak menerima atau menolak mana-mana negara Asia Tenggara daripada menganggotai pertubuhan serantau itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ia tidak seharusnya dilihat sebagai mencampuri urusan dalaman mana-mana negara, kata beliau semasa dialog terbuka dengan gabenor Okayama, Nasahiro Ishii dan Pengerusi Jawatankuasa Kerjasama Perniagaan Kawasan, Katsumi Sasaki, di sini, kira-kira 600km ke barat daya Tokyo.

"Kami masih menaruh harapan untuk menyatukan kesemua 10 buah negara Asia Tenggara dalam Asean," dan oleh kerana keadaan "tidak menentu" di Kemboja, Asean memutuskan untuk menangguhkan keanggotaan Phnom Penh, katanya.

Menteri-menteri Luar Asean yang bertemu di Kuala Lumpur minggu ini sepatutnya menerima secara rasmi -- Myanmar, Kemboja dan Laos -- sebagai anggota barunya tetapi perkembangan di Kemboja menyebabkan dua negara yang lain itu sahaja akan menjadi anggota Asean.

"Kami tidak berniat untuk mencampuri urusan dalaman Kemboja," kata beliau. "Saya berharap tidak akan ada sebarang halangan bagi negara itu menyertai Asean," kata beliau lagi.

Dr Mahathir yang berada dalam lawatan percutian dan bekerja selama tujuh hari ke Jepun tiba di sini pada hari Jumaat. Beliau melawat Kobe pada hari Rabu dan mengadakan lawatan sehari ke Toyama, 400km ke utara dari sini semalam.

Menjawab soalan mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Perdana Menteri berkata negara-negara kecil di Asia Tenggara biasanya diketepikan apabila Eropah dan Amerika Syarikat memberikan pendapat mereka mengenai amalan perdagangan yang tidak adil.

Beliau berkata dengan penyertaan negara-negara timur laut Asia yang lebih berpengaruh dan kuat seperti Jepun dan China dalam EAEC, "Kita boleh mengutarakan pendapat kita dengan lebih lantang apabila kita berbincang dengan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat."

Dr Mahathir juga menyifatkan undang-undang yang diluluskan oleh negeri Massachusetts, di Amerika Syarikat yang mengharamkan syarikat-syarikat asing yang melabur di Myanmar daripada menjalankan perniagaan di negeri itu, sebagai campur tangan dalam urusan dalaman negara lain.

Jepun telah mengemukakan aduan kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) terhadap Amerika Syarikat mengenai isu itu.

Perdana Menteri berkata jika Jepun berjaya dalam isu itu, Malaysia akan mendapat faedah daripadanya.

Mengenai China, Dr Mahathir berkata beliau percaya Beijing akan muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi suatu hari nanti.

Beliau berkata China berhak untuk maju dan memberikan taraf hidup yang lebih tinggi kepada rakyatnya.

"Kita tidak seharusnya melihat China sebagai satu ancaman suatu hari nanti," kata beliau. "Jika kita melihat sebuah negara itu sebagai bakal musuh kita, ia akan menjadi musuh kita sekarang," kata beliau. -- BERNAMA.

ZS MZ PR